

14/05/1997

Cuti: Akhbar bebas buat spekulasi

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, akhbar bebas membuat spekulasi berhubung keputusannya untuk bercuti selama dua bulan mulai Isnin ini.

"Saya berpendapat akhbar bebas untuk membuat spekulasi," katanya menjawab soalan seorang wartawan asing mengenai cuti beliau dan dalam tempoh itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik memangku jawatan Perdana Menteri.

Wartawan wanita itu berkata, timbul pelbagai spekulasi mengenai cuti panjang itu dan menyebut tiga daripadanya. Pertama ialah Dr Mahathir ingin 'menguji' keupayaan Anwar dan satu lagi disebabkan Perdana Menteri mungkin sakit.

Yang ketiga, menurut wartawan itu, mungkin disebabkan Dr Mahathir mahu mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) ketika cutinya di luar negara.

Apabila wartawan itu menjelaskan spekulasi itu bukan daripada media, Dr Mahathir berkata: "Macam manapun, mereka akan membuat spekulasi menerusi akhbar. Jadi, kenapa kamu tidak beritahu saja mereka supaya menerima mana-mana satu daripada tiga (spekulasi)."

Khamis lalu, Dr Mahathir berkata cuti beliau itu tidak ada kaitan dengan kesihatannya. Beliau mengambil cuti itu untuk rehat sambil mengendalikan beberapa urusan serta melakukan lawatan rasmi ke beberapa negara.

Mengenai pelantikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru, Perdana Menteri berkata beliau masih belum mencari pengganti Datuk Abu Hassan Omar yang melepaskan jawatan itu selepas dipilih sebagai calon Menteri Besar Selangor yang baru.

"Belum lagi (mencari pengganti Abu Hassan), saya masih memikirkan dan cuba mencari siapa yang kamu mahu," katanya berseloroh.

Ditanya sama ada mesyuarat mingguan Kabinet esok akan membincangkan pengisian jawatan itu, beliau berkata: "Kita selalu bincang macam-macam, mungkin tu mungkinlah, mungkin tak pun boleh juga."

Abu Hassan melepaskan jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna selepas dipilih sebagai calon Menteri Besar Selangor menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang meletakkan jawatan itu baru-baru ini.

Muhammad melepaskan jawatan itu selepas menghadapi tuduhan di Mahkamah Brisbane berhubung kegagalannya mengisytiharkan wang bernilai RM2.4 juta yang mahu dibawa keluar dari Australia.

Abu Hassan yang melepaskan kerusi Parlimennya di kawasan Kuala Selangor perlu memenangi pilihan raya kecil Permatang untuk dilantik ke jawatan terpenting negeri Selangor itu.

(END)